

25 APR 2003

MIC-Kerusi/I

MIC AKAN MOHON TAMBAHAN KERUSI

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- MIC akan memohon tambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dan permohonan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak lama lagi.

Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata permohonan dalam bentuk laporan itu akan dikemukakan kepada dua pemimpin itu yang juga pengerusi serta timbalan pengerusi Barisan Nasional (BN).

"Kita tidak mahu mendedahkan bilangan kerusi yang diminta. Ia akan disebut dalam laporan yang dikemukakan itu dan berapa kerusi yang diberikan akan kita terima berlandaskan semangat BN," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kerja pusat MIC di sini hari ini.

MIC kini mewakili tujuh kerusi Parlimen dan 13 DUN.

Parlimen baru-baru ini meluluskan usul persempadanan semula kawasan pilihan raya bagi mewujudkan 25 kerusi parlimen dan 63 kerusi DUN dan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan persempadanan itu diwartakan akan dibuat Jun ini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata sebagai parti komponen ketiga besar, MIC mahukan kerusi tambahan terutama di peringkat Parlimen yang bersekadar dengan jumlah kaum India.

Beliau berkata parti itu telah mengenalpasti kerusi-kerusi yang dipohon dan semua kerusi itu mempunyai bilangan besar pengundi kaum India walaupun mereka bukan pengundi majoriti.

MIC akan menyerahkan kepada pucuk pimpinan BN untuk membuat keputusan pembahagian kerusi kerana menyedari 13 komponen lain juga perlu diberi pertimbangan, katanya.

Sementara itu, mesyuarat tiga jam itu meluluskan 16 resolusi yang akan dibentangkan pada persidangan perwakilan pada 10 dan 11 Mei depan.

Samy Vellu berkata resolusi-resolusi itu akan menyentuh pelbagai perkara termasuk pembahagian kerusi pilihan raya, sokongan terhadap Dr Mahathir dan Abdullah, program Khidmat Negara dan isu ekuiti kaum India.

"Kita juga akan membentangkan resolusi mengenai pembangunan semula Iraq, pengagihan pinjaman kepada peniaga kecil dan sederhana dan dasar sosial negara," katanya.

Antara resolusi lain ialah mengenai cadangan agar kerajaan mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti am dan ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana menyelesaikan isu gaji tetap pekerja ladang.

Sebanyak 5,000 anggota parti dijadual menghadiri persidangan yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu dan jumlah itu termasuk 1,497 perwakilan.

"Kita juga menjemput 200 tetamu, semua menteri kabinet, 1,000 anggota pemuda, 1,000 anggota wanita dan pemerhati," tambah Samy Vellu.

-- BERNAMA

SR HK MOZ